

NO. SOALAN: 56

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]

TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah proses pengajaran tahfiz dibiarkan bebas dengan kaedah dan tafsiran yang tiada kurikulum yang berstruktur dan diiktiraf serta apakah statistik kelas tahfiz terkini dan bagaimanakah pemantauannya.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan mana-mana sekolah agama termasuk sekolah atau maahad tahfiz di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah

Agama negeri masing-masing dan pihak berkuasa tempatan serta jabatan/agensi berkaitan bagi pembangunan fizikal. Begitu juga dengan kawalan dan pemantauan terhadap pengajaran kelas-kelas tahfiz adalah di bawah kawalan pihak berkuasa agama negeri.

Walaupun bagaimanapun, bagi program pengajian tahfiz di peringkat diploma, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mewujudkan kurikulum, dimana telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sejak tahun 1983. Kurikulum ini juga telah diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/IPTS) dalam dan luar negara bagi tujuan untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah. Maahad-Maahad Tahfiz al-Quran yang berada di bawah Kerajaan Negeri juga telah menggunakan kurikulum berkenaan dan setakat ini sebanyak 14 buah Maahad Tahfiz al-Quran Negeri telah menandatangani memorandum kesefahaman (MoU) dengan JAKIM bagi melaksanakan program Diploma Tahfiz al-Quran. Darul Quran, JAKIM turut bertanggungjawab untuk mengawal selia pelaksanaan program Maahad Tahfiz al-Quran Negeri dan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian akan dianugerahkan Diploma Tahfiz al-Quran. Bagi maahad tahfiz persendirian adalah dialu-alukan untuk menggunakan kurikulum ini.

Selain itu, mulai tahun 2014, Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di tiga buah sekolah bermula di Tingkatan 1. Pada

tahun 2015, kurikulum ini akan diperluaskan di 12 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh negara.

Mengenai jumlah sekolah/maahad tahfiz yang berdaftar, sehingga Jun 2014, jumlah keseluruhan sekolah/maahad tahfiz yang merangkumi kelolaan Kerajaan Negeri dan swasta/persendirian ialah sebanyak 431 buah. Pecahannya adalah seperti berikut:

BIL	MAAHAD TAHFIZ	KATEGORI		JUMLAH
		NEGERI	SWASTA	
1	Rendah	0	21	21
2	Menengah	18	242	260
3	Rendah dan Menengah	5	145	150
	JUMLAH	23	408	431

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri

Sekian, terima kasih.